

SOALAN NO. 264**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG SZE PHIN @
JIMMY [KOTA KINABALU]**

SOALAN :

**YB Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta PERDANA
MENTERI menyatakan mengapakah pihak pembangkang tidak diberi dana
untuk tujuan pembangunan di kawasan masing-masing.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada setiap tahun di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri telah menyediakan sejumlah peruntukan untuk semua kawasan Parlimen di seluruh negara.

Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek kecil dan pembekalan yang merupakan *complement* dan *supplement* bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Semua pihak boleh mengemukakan cadangan permohonan dan akan dipertimbangkan berdasarkan keutamaan, keperluan dan kedudukan kewangan Kerajaan serta garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan. Pelaksanaan program/projek di bawah Peruntukan Khas kawasan Parlimen adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri/Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
KAWASAN : KOTA KINABALU

SOALAN:

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan, perancangan, perbelanjaan, jenis jenis kerja bagi lebuhraya persisiran Tuaran-Kudat, Jalan Persisiran Kg Ice Box-Batu 4 Jalan Apas, Jalan Kalabakan-Keningau, Jalan Penampang-Papar, Jalan Tawau-Semporna dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persisiran Tuaran-Kudat merupakan sebahagian daripada projek Lebuhraya Pan Borneo yang melibatkan jajaran sepanjang 123km dan pelaksanaannya merangkumi 6 pakej (pakej 09-14). Kesemua pakej yang terlibat telah selesai menjalani bengkel pengurusan nilai. Satu daripada pakej tersebut kini masih dalam proses tender, manakala baki 5 lagi pakej sedang dalam persiapan untuk ditender dalam masa terdekat. Kerja-kerja pembinaan bagi jajaran ini dijangka akan dimulakan pada hujung tahun 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persisiran Kg Ice Box-Batu 4 Jalan Apas merupakan Jalan Negeri dan tiada perancangan naiktaraf daripada Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo juga tidak melibatkan jalan tersebut.

Manakala Projek Naiktaraf Jalan Sapulut – Kalabakan, Tawau, Sabah merupakan sebahagian daripada Program Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) telah bermula pada 8 Oktober 2011. Skop utama projek adalah menurap jalan gravel sedia ada sejauh 145km. Walau bagaimanapun jalan tersebut berstatus jalan Negeri yang mana penyenggaraan adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah (JKR Sabah) menggunakan peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri setiap tahun.

Bagi jalan Penampang ke Papar, terdapat projek yang dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan iaitu Projek Naiktaraf Jalan Dari Donggongon ke Simpang Jalan Papar Spur sedang dilaksanakan secara berpakej iaitu Pakej 1, 2 dan 3. Skop projek ini melibatkan naiktaraf jalan sedia ada kepada empat lorong dua hala sepanjang 28 km. Perbelanjaan tahunan setakat ini adalah sebanyak **RM99,668,019.35**.

Projek Naiktaraf Jalan Tawau Semporna dari Persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna dilaksanakan secara berpakej iaitu Pakej 1, 2 dan 3 dengan panjang 81.5km. Skop projek ini melibatkan pelebaran jalan sedia ada kepada empat lorong dua hala dan juga penyediaan lorong memotong seperti berikut:

1. **Pakej 1** melibatkan naiktaraf kepada empat lorong dua hala sepanjang 22 km daripada Persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Checkpoint di km50. Pakej 1 dibahagikan kepada 2 fasa iaitu Fasa 1 yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2017 manakala Fasa 2 merupakan sebahagian daripada jajaran Lebuh raya Pan Borneo.
2. **Pakej 2** melibatkan naiktaraf kepada empat lorong dua hala sepanjang 18.5km daripada Bulatan Kunak-Semporna ke Pekan Semporna; dan

3. **Pakej 3** melibatkan penyediaan lorong memotong di sepanjang 41km jalan daripada Checkpoint km50 ke Bulatan Kunak-Semporna.

Cadangan projek Pakej 2 dan 3 di atas telah dikemukakan untuk permohonan kelulusan pelaksanaan RP3, RMK 11. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (266)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG
[RASAHI]**

SOALAN :

YB TUAN TEO KOK SEONG [RASAHI] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) jumlah perbelanjaan yang telah dan akan ditanggung oleh Kerajaan untuk mempromosikan Transformasi Nasional (TN50); dan
- (b) apakah hasil daripada roadshow dan dialog TN50 di seluruh negara

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai bentuk aktiviti telah diadakan dalam memastikan aspirasi rakyat dapat dikumpulkan dan pendekatan *bottom up* bagi pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 berlaku dengan jayanya. Namun kerajaan turut mengambil pendekatan perbelanjaan berhemah dalam memastikan tiada pembaziran dalam pelaksanaan setiap aktiviti dan objektif aktiviti yang dilaksanakan tercapai. Sebagai contoh, kerajaan memutuskan supaya kementerian dan agensi menggunakan peruntukan sedia ada yang telah dirancang dalam anggaran belanjawan tahunan tahun 2017 untuk pelaksanaan aktiviti termasuk aktiviti TN50. Ini kerana kementerian dan agensi telah disaran untuk menyuntik elemen TN50 dalam aktiviti sedia ada dalam perancangan bersama kumpulan sasaran masing-masing.

Secara tidak langsung, kerajaan boleh melakukan *engagement* dengan semua segmen rakyat bersesuaian dengan fungsi setiap kementerian dan agensi. Ini juga membolehkan pelan pelaksanaan penyampaian

perkhidmatan kepada rakyat kelak memenuhi aspirasi rakyat secara menyeluruh.

Oleh itu, bagi memastikan momentum dan penerimaan baik rakyat Malaysia terutama golongan belia terhadap agenda Transformasi Nasional 2050 berterusan, Kerajaan akan terus melaksanakan program dan aktiviti yang telah dirancang untuk tahun ini. Sehingga ini KBS telah dan akan melaksanakan jalinan kerjasama strategik dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) seperti jabatan dan agensi Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), pertubuhan-pertubuhan badan bukan Kerajaan (NGO), syarikat swasta dan sukarelawan bagi memastikan rakyat terutamanya golongan belia menghayati objektif pelaksanaan Program TN50 ini.

Sekian, terima kasih.

26 Julai 2017

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH – DAP]**

SOALAN NO. 267

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) jumlah perbelanjaan untuk menganjurkan Sukan SEA 2017; dan
- b) jumlah penajaan yang diterima oleh Kerajaan untuk menjayakan Sukan SEA 2017.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak jenama Kuala Lumpur 2017 diperkenalkan, banyak syarikat dan organisasi telah tampil untuk bekerjasama untuk menjayakan temasya dwi-tahunan terbesar di rantau Asia Tenggara.
2. Jawatankuasa Pengelola Malaysia (Malaysia Organising Committee - MASOC) Kuala Lumpur 2017 (KL2017) telah berjaya mencapai sasaran awal penajaan iaitu pencapaian sebanyak 103% atau RM82.7 juta berbanding RM80 juta yang telah ditetapkan sebelum ini. Sekaligus MASOC telah melepasi KPI (Prestasi Petunjuk Utama) dari segi penajaan untuk temasya Kuala Lumpur 2017. Daripada jumlah itu, pecahan penajaan yang diterima daripada 15 rakan penaja kita adalah; RM25 juta dalam bentuk wang tunai manakala selebihnya dalam bentuk barangan dan cenderahati. Syarikat-syarikat yang menjadi penaja ialah :-
 - **PLATINUM (RM7.5 juta hingga RM15 juta)**
 - a) Telekom Malaysia Berhad (TM) - Penyedia Telekomunikasi Berintegrasi Kuala Lumpur 2017
 - b) NAZA Corporation Holdings Sdn Bhd - Penaja Kereta Rasmi Sukan Kuala Lumpur 2017
 - c) Ajinomoto Co. Inc.

SULIT

- d) Football Thai Sporting Goods Co. Ltd (FBT) (Rakan Pakaian Sukan Rasmi)
 - e) Petroleum Nasional Bhd (PETRONAS) (Rakan Bahan Api Rasmi KL2017)
- **EMAS (RM3 juta hingga RM7.5 juta)**
 - a) Malaysia Airports (KL2017 Welcoming Partner)
 - b) GRAB (Rakan Perkhidmatan e-Hailing)
 - c) AirAsia Bhd (Rakan Penerbangan Rasmi)
- **PERAK (RM1 juta hingga RM3 juta)**
 - a) MILO
 - b) 100PLUS(Penaja Minuman Isotonik Rasmi Kuala Lumpur 2017)
 - c) SCGM Bhd (Rakan Rasmi Sukan Hijau)
 - d) Prudential Assurance Malaysia Bhd (PAMB) (Rakan Insurans Rasmi)
 - e) McDonald's (Restoran Rasmi KL2017)
 - f) Prasarana Malaysia Berhad (Rakan Rasmi Penyedia Perkhidmatan Pengangkutan Awam)
 - g) Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB)
 - h) Spritzer Bhd (Penaja Rasmi Air Botol)
 - i) Royal Selangor (Rakan Pingat Rasmi)

SULIT

3. Selepas majlis-majlis tandatangan rasmi antara rakan-rakan penaja, banyak promosi temasya sukan KL2017 termasuklah dalam aktiviti pemasaran mereka melalui pelbagai program, aktiviti dan inisiatif yang melibatkan jenama Kuala Lumpur 2017 telah dilaksanakan. Malah melalui akaun laman media sosial, papan iklan di jalan raya dan lebuhraya juga jelas terpapar dengan maskot rasmi temasya, RIMAU.

Sekian, terima kasih.